# TEKS UCAPAN Y.BHG. REKTOR SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN KUTKM BIL. 2/2005

TEMPAT:

HOTEL MITC ANCASA

AYER KEROH, MELAKA.

TARIKH :

29 NOVEMBER 2005

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**TEKS UCAPAN YBHG DATUK PROFESOR ISMAIL BIN HASSAN, REKTOR KUTKM SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN KUTKM BIL.2/2005 PADA 29 NOVEMBER 2005 BERTEMPAT DI HOTEL MITC ANCASA, AYER KEROH MELAKA.**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM. ASSALAMUALAIKUM W.B.T

YBHG DATUK PROF MADYA DR ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH.

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN & PENGKOMERSILAN / INOVASI)

YG. BERUSAHA PROF DR MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI

DEKAN PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI SELAKU PENGERUSI JAWATANKUASA KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN.

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

PENCERAMAH-PENCERAMAH JEMPUTAN SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN.

PERTAMANYA MARILAH KITA MEMANJATKAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA DAPAT KITA BERKUMPUL BERSAMA DALAM MAJLIS ILMU YANG MULIA INI. SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI (UNIC) DAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, PEJABAT PENDAFTAR KERANA TELAH BERJAYA MENGANJURKAN KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN KUTKM BIL. 2/2005 YANG

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

SAYA RASA AMAT PENTING DALAM PERJALANAN KUTKM MENCAPAI MISI DAN VISI UNIVERSITI.

TUAN-TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

SEPERTI YANG KITA KETAHUI BAHAWA KUTKM DITUBUHKAN OLEH KERAJAAN SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI AWAM DENGAN HARAPAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI MASA DEPAN TERHADAP SUMBER TENAGA PROFESIONAL DALAM BIDANG TEKNIKAL. KEWUJUDAN KUTKM ADALAH UNTUK MEMENUHI INSPIRASI KERAJAAN BAGI MELAHIRKAN SUMBER TENAGA PROFESIONAL YANG TIDAK SAHAJA MEMPUNYAI PENGETAHUAN AKADEMIK YANG MANTAP TETAPI JUGA SUMBER TENAGA YANG BERKETERAMPILAN DAN MEMPUNYAI KEMAHIRAN TEKNIKAL YANG TINGGI. KUTKM ADALAH UNIVERSITI YANG MELAKSANAKAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA BERORIENTASIKAN APLIKASI DAN AMALAN.

JUSTERU ITU PENUBUHAN PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI (UNIC) DI KUTKM ADALAH PENTING SEBAGAI PENDOKONG KEPADA MATLAMAT UNTUK MELAHIRKAN GRADUAN YANG MEMPUNYAI PIAWAIAN KUALITI YANG TINGGI MELALUI KERJASAMA ANTARA UNIVERSITI DAN INDUSTRI. PENYELIDIKAN MERUPAKAN AKTIVITI TERAS YANG AMAT PENTING TIDAK SAHAJA KEPADA KUTKM TETAPI JUGA KEPADA MANA-MANA UNIVERSITI AWAM MAHUPUN SWASTA TIDAK SAHAJA DI MALAYSIA TETAPI JUGA DI UNIVERSITI DI NEGARA-NEGARA LAIN DI DUNIA. MALAHAN PENYELIDIKAN MENJADI AMAT PENTING DAN NADI KEPADA UNIVERSITI-UNIVERSITI TERKEMUKA DI DUNIA. KEJAYAAN DALAM SESUATU PENYELIDIKAN AKAN MENGANGKAT NAMA DAN MARTABAT UNIVERSITI TERSEBUT DARI KACA MATA DUNIA.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

TUAN-TUAN / PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

SEBAGAI MAKLUMAN BERSAMA, KUTKM SENTIASA MENGALU-ALUKAN USAHA DARI KALANGAN PENSYARAH-PENSYARAH KUTKM UNTUK MEMBUAT PENYELIDIKAN. MALAHAN SEBAGAI REKOD DAN MAKLUMAN BERSAMA PADA TAHUN 2002, KITA TELAH MEMBELANJAKAN SEBANYAK RM500,000 MELALUI PERUNTUKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI BAGI MEMBOLEH STAF AKADEMIK MENGADAKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN. BAGI TAHUN 2004, KUTKM TELAH MEMBELANJAKAN RM750,000 DAN BAGI TAHUN 2005, KITA TELAH MEMBELANJAKAN SEBANYAK RM1.5 JUTA. JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN UNIVERSITI BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN SEHINGGA KINI ADALAH SEBANYAK RM2.75 JUTA.

KUTKM BERSEDIA UNTUK MENAMBAHKAN PERUNTUKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN PADA MASA HADAPAN JIKA DIPERLUKAN BAGI MENGGALAKKAN DAN MEMPERBANYAKKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN. SELAIN DARIPADA ITU, STAF-STAF AKADEMIK JUGA PERLU MENCARI SUMBER-SUMBER KEWANGAN ATAU PERUNTUKAN DARI AGENSI ATAU PERTUBUHAN BAGI MEMBIAYAI AKTIVITI PENYELIDIKAN SEPERTI "INTENSIFICATION OF RESEARCH IN PRIORITY AREAS" (IRPA) DAN TABUNG-TABUNG PENYELIDIKAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN ATAUPUN PERTUBUHAN SEDUNIA.

TUAN-TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

SEHINGGA KINI JUMLAH KESELURUHAN STAF KUTKM ADALAH SERAMAI 1200 ORANG. STAF AKADEMIK YANG TERDIRI DARIPADA PENSYARAH, TUTOR, JURUTERA PENGAJAR DAN GURU BAHASA

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

ADALAH SERAMAI 450 MANAKALA STAF PENTADBIRAN ADALAH SERAMAI 590 ORANG. IANYA MELAMBANGKAN BAHAWA STAF AKADEMIK MERUPAKAN KUMPULAN STAF YANG BEGITU PENTING SEBAGAI PENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN UNIVERSITI.

KINI KITA TELAH MEMPUNYAI PENSYARAH YANG MEMPUNYAI DOKTOR FALSAFAH SERAMAI 27 ORANG DAN SARJANA SERAMAI 292 ORANG. KITA BERAZAM UNTUK MENCAPAI SASARAN 50% KAKITANGAN AKADEMIK MEMPUNYAI DOKTOR FALSAFAH PADA TAHUN 2010. OLEH DEMIKIAN, USAHA-USAHA TELAH DIJALANKAN UNTUK MENGHANTAR STAF AKADEMIK UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI. SEHINGGA KINI, KUTKM TELAH MENGHANTAR SEBANYAK 77 ORANG UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN PADA PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH DAN 186 PADA PERINGKAT SARJANA SAMA ADA DALAM DAN LUAR NEGARA.

TUAN-TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN KUTKM INI YANG DIANJURKAN OLEH PIHAK UNIC DAN PEJABAT PENDAFTAR ADALAH AMAT PENTING DALAM USAHA KUTKM UNTUK MENYEDIAKAN ASAS PENYELIDIKAN KEPADA STAF AKADEMIK YANG INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN KE PERINGKAT SARJANA MAHUPUN DOKTOR FALSAFAH. MODUL KURSUS INI YANG KITA BINA SENDIRI ADALAH HASIL DARIPADA PENGAMATAN, PENELITIAN DAN KEPERLUAN YANG KITA LIHAT AMATLAH SIGNIFICANT KEPADA SUASANA PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN YANG DILALUI DI KUTKM.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

IANYA MERUPAKAN SATU CATATAN KEJAYAAN KEPADA UNIVERSITI UNTUK MERANGKA KEPERLUAN LATIHAN BERASASKAN KEPADA KEHENDAK DAN KEPERLUAN UNIVERSITI. KEJAYAAN INI PERLU DISUSULI DENGAN KEJAYAAN UNTUK MERANGKA LEBIH BANYAK KEPERLUAN LATIHAN STAF AKADEMIK PADA MASA HADAPAN DAN RUANG INI NANTI PERLU DIPERLUASKAN LAGI UNTUK DIKONGSI BERSAMA DENGAN IPTA DAN IPTS YANG MEMERLUKANNYA KHUSUSNYA DENGAN KOLEJ UNIVERSITI YANG SEALIRAN DALAM BIDANG TEKNIKAL DAN TEKNOLOGI. PADA MASA HADAPAN, ADALAH DICADANGKAN SUPAYA KURSUS INI DAPAT DIANJURKAN SECARA BERSAMA DENGAN KOLEJ UNIVERSITI – KOLEJ UNIVERSITI LAIN SEPERTI KUKTEM, KUiTTHO, KUSTEM DAN KUKUM SEBAGAI USAHA MEMPERTEGUHKAN KERJASAMA LATIHAN DAN PENYELIDIKAN.

TUAN-TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

MODUL KURSUS INI AKAN DAPAT MENYEDIAKAN KEPERLUAN PARA PESERTA KURSUS YANG MENYENTUH SEMUA ASPEK DAN KEPERLUAN PENYELIDIKAN. SAYA DIFAHAMKAN KURSUS INI TELAH DIBAHAGIKAN KEPADA DUA BAHAGIAN IAITU BAHAGIAN PERTAMA PARA PESERTA DIDEDAHKAN KEPADA PERSEDIAAN ASAS UNTUK MENGADAKAN KERJA-KERJA PENYELIDIKAN DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH YANG TEPAT DI SAMPING MAKLUMAT-MAKLUMAT BERKAITAN PENYELIDIKAN YANG SAINTIFIK.

BAHAGIAN KEDUA KURSUS INI AKAN MEMASTIKAN PARA PESERTA DIDEDAHKAN DENGAN MODUL BERKAITAN PENGHASILAN KERTAS KERJA PENYELIDIKAN YANG BERNAS DAN CEMERLANG MELALUI PEMBENTANGAN. SEMOGA PENGALAMAN BERKURSUS YANG DITEMPOHI BAGI

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MENGIKUTI KURSUS INI YANG MENGAMBIL MASA 48 JAM DAN MERANGKUMI 16 MODUL TELAH BENAR-BENAR MENYEDIAKAN PARA PESERTA YANG TEDIRI DARIPADA AHLI AKADEMIK KUTKM AKAN BERJAYA MEMBAWA SATU IMPAK YANG AKAN TERUS MEMBAWA KECEMERLANGAN KEPADA KUTKM PADA MASA HADAPAN DALAM DUNIA AKADEMIK DAN SETERUSNYA DAPAT MERANGSANG LEBIH BANYAK AKTIVITI-AKTIVITI PENYELIDIKAN YANG LEBIH BERMUTU.

SEBAGAI SEORANG AHLI AKADEMIK, PENCAPAIANNYA DALAM BIDANG AKADEMIK BANYAK DIUKUR DAN DINILAI DARI SEGI SUMBANGANNYA DALAM DUNIA PENYELIDIKAN DAN PENULISAN DI SAMPING MEMBENTANGKANNYA DALAM SEMINAR, KURSUS, SIMPOSIUM, KONVENSYEN DAN SEBAGAINYA. OLEH YANG DEMIKIAN, KECEMERLANGAN AKADEMIK DALAM BENTUK PENYELIDIKAN AMATLAH PENTING BAGI MENENTUKAN PEMBENTANGAN DAN PENULISAN DALAM BENTUK KERTAS KERJA DAN JURNAL BENAR-BENAR BERMUTU.

KENAIKAN PANGKAT SESEORANG STAF AKADEMIK DALAM KERJAYANYA DI UNIVERSITI JUGA DINILAI MELALUI PENCAPAIANNYA DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN PENYERTAAN DALAM FORUM-FORUM AKADEMIK YANG MEMBAWA FAEDAH KEPADA PEMBANGUNAN INDIVIDU DAN NEGARA WALAUPUN IANYA BUKAN SUATU PENILAI SECARA MUTLAK. NAMUN SERINGKALI SUMBANGANNYA SEBAGAI PENYELIDIK DILIHAT SEBAGAI SUATU KAYU PENGUKUR DAN ASET KEPADA KEJAYAAN UNIVERSITI DAN NEGARA.

TUAN-TUAN / PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

TUAN-TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MERAKAMKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI (UNIC) DAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, PEJABAT PENDAFTAR KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA UNTUK MERASMIKAN KURSUS INI. SAYA BERHARAP AGAR PARA PESERTA MENGGUNAKAN KESEMPATAN DI DALAM KURSUS INI UNTUK MENIMBA ILMU PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN SEPANJANG KURSUS BERLANGSUNG SUPAYA IANYA BENAR-BENAR BERMANFAAT. SEMOGA TUAN-TUAN/PUAN-PUAN MENJADIKAN MEDAN AKADEMIK SEBAGAI MEDAN PERJUANGAN UNTUK MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN DENGAN MENJADIKANNYA TERAS KEGEMILANGAN BAGI MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI AHLI AKADEMIK. DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAAHMANIRAHIM SAYA MERASMIKAN KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN KUTKM BIL. 2/2005.

SEKIAN. WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM W.B.T

TERIMA KASIH.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka